

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (16)

8 Februari 2018
22 Jamadilawal 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2018

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2017 KEMUDAHAN CUTI UMRAH

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 95 bertarikh 17 Januari 2018 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2017 mengenai Kemudahan Cuti Umrah.

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2017 ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi kemudahan cuti umrah yang merupakan cuti tanpa rekod untuk pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang beragama Islam menunaikan ibadah umrah sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.

3. Cuti Umrah adalah cuti tanpa rekod yang diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang beragama Islam dan bertaraf tetap. Cuti Umrah adalah diberikan sekali sahaja (*one-off*) sepanjang tempoh perkhidmatan, yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai pemakaian pekeling ini. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018. Maklumat lanjut berhubung pekeling boleh dirujuk ke Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah